



23 APR, 2021

Kerajaan jamin bekalan benih cukup

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Jabatan Pertanian sediakan 26,000 metrik tan benih padi berkualiti untuk pesawah

Kerajaan jamin bekalan benih cukup

Oleh RASDAN AHMAD

PETALING JAYA — Sebanyak 26,353.32 metrik tan benih padi telah disahkan oleh Jabatan Pertanian adalah mengikut kualiti piawai yang ditetapkan bagi menjamin pesawah seluruh negara mendapat bekalan benih padi yang berkualiti.

Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Mohd. Nasir Warris berkata, kuantiti tersebut adalah mencukupi bagi keperluan pesawah seluruh negara sehingga akhir April ini.

"Ini termasuklah keperluan pesawah padi di Kedah dan Perlis, pengesahan benih padi sedang rancak dijalankan oleh pegawai-pegawai di Jabatan Pertanian dan kuantiti benih padi yang akan disahkan pada musim penanaman 1/2021 ini dijangka melebihi daripada 36,000 tan.

"Benih ini melebihi daripada keperluan pada musim sekarang. Oleh yang demikian, pesawah adalah dinasihatkan agar tidak perlu risau tentang kecukupan bekalan benih padi," katanya.



PESAWAH tidak perlu risau mengenai stok benih padi berkualiti apabila Jabatan Pertanian mengesahkan lebih 26,000 metrik tan benih disediakan. — GAMBAR HIASAN

dalam satu kenyataan semalam.

Tambahnya, musim ini juga didapati permintaan varieti MR 297 adalah tinggi dan ini menyebabkan varieti tersebut tidak mencukupi.

"Namun begitu, terdapat juga varieti lain yang setanding varieti MR 297. Jabatan Pertanian telah meluluskan sebanyak sembilan lagi varieti iaitu MR 219, MR 220 CL2, UKMRC-2, UKMRC-8, MR

269, MR 303, MR 307, MRQ76 dan MR 263.

"Oleh itu, diharapkan pesawah dapat memilih dan bersedia untuk menanam varieti lain selain MR 297, yang mampu memberi

hasil yang tinggi," katanya.

Jelas Mohd. Nasir, pesawah juga adalah diharapkan agar tidak membeli benih padi yang tidak mendapat pengesahan daripada Jabatan Pertanian atau dikenali sebagai 'Beg Putih'.

Katanya, penggunaan 'Beg Putih' ini dikhuatiri boleh menyebabkan berlakunya isu berkaitan masalah padi angin, penyakit dan perosak yang boleh menjadikan kualiti serta industri padi negara.

Terdahulu media melaporkan, masalah kelewatan pengedaran benih padi yang sah membengku sebahagian besar pesawah di seluruh tanah air hingga dibimbangi menjelaskan pengeluaran beras yang menjadi makanan ruji rakyat negara ini pada masa akan datang.

Keaduan itu merunsingkan pesawah ketika jadual penanaman padi terutamanya di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang membekalkan 43 peratus bekalan padi negara pada tahun lepas, sepatutnya telah bermula pada 1 April lalu.



23 APR, 2021

Kerajaan jamin bekalan benih cukup

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Jabatan Pertanian sediakan 26,000 metrik tan benih padi berkualiti untuk pesawah

PETALING JAYA - Sebanyak 26,353.32 metrik tan benih padi telah disahkan oleh Jabatan Pertanian adalah mengikut kualiti piawaian yang ditetapkan bagi menjamin pesawah seluruh negara mendapat bekalan benih padi yang berkualiti. Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Mohd. Nasir Warris berkata, kuantiti tersebut adalah mencukupi bagi keperluan pesawah seluruh negara sehingga akhir April ini.